

Masalah banjir bakal selesai

Kerja naik taraf pementung dilakukan pema

**NUR FARHANA
ABDUL MANAN**

PUCHONG – Derita penduduk Kampung Bunga Melor yang terpaksa berdepan isu banjir sejak lima tahun lalu dijangka selesai apabila kerja menaik taraf sistem perparitan di kawasan itu siap sepenuhnya pertengahan November ini.

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo berkata, pema sudah memulakan kerja *pipe jacking* bagi menaik taraf salur pementung di Jalan Bunga Tanjung, Batu 14, sejak September lalu.

Menurutnya, kerja menaik taraf sistem perparitan di kawasan itu perlu bagi mengatasi masalah banjir yang didakwa berlaku disebabkan masalah salur pementung

“**Saya difahamkan kerja termasuk membesarkan lubang pementung di kedua-dua belah jalan ini sudah hampir siap 80 peratus.”**

Gobind

yang tidak dapat menampung isi padu air hujan berlebihan sebelum ini.

“Masalah ini dikemukakan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) pada Jun 2009 kerana salur pementung itu berada di rizab jalan agensi berkenaan.

“Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pula mengatasi masalah tersebut dengan mengarahkan pema berhampiran menaik taraf sistem perparitan itu,” katanya.

Beliau berkata, mesyuarat

berhubung perkara tersebut diadakan di JKR Petaling pada 28 Mac dan pema diminta mengemukakan permohonan sebelum ulasan daripada JPS Petaling dan kelulusan JKR dikeluarkan.

Menurutnya, kelulusan daripada JKR diperoleh bagi menjalankan kerja menaik taraf salur pementung di rizab Jalan Puchong pada 29 Jun lalu.

“Saya difahamkan kerja termasuk membesarkan lubang pementung di kedua-dua belah jalan ini sudah



Gobind (dua, kiri) melihat kerja menaik taraf yang dilaksanakan pema bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Batu 14.

hampir siap 80 peratus.

“Sekarang di saluran perparitan itu sudah sedia ada pementung bersaiz 1,500mm, saya difahamkan pema

akan menambah satu lagi salur pementung dengan saiz sama,” katanya.

Beliau berharap dengan adanya sistem perparitan

yang baru ini, penduduk Kampung Bunga Melor tidak perlu lagi risau tentang masalah banjir di kawasan perumahan mereka.